

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
26 NOVEMBER 2019

1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Anis Shazreen Binti Azmi, telah dilantik menjadi Pegawai Perancang Bandar dan Desa berkuatkuasa 1 November 2019. Puan Anis Shazreen telah ditempatkan di Jabatan Perancang Bandar dan beliau memegang kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar Dan Wilayah Sarjana Perancang Bandar Dan Wilayah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Ucapan tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

2. ANUGERAH KUALITI SIRIM 2019 (MAJLIS SIRIM-INDUSTRI)

Dimaklumkan bahawa MBSP telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Kualiti SIRIM Kategori Kerajaan bagi tahun 2019 semasa berlangsungnya Majlis SIRIM-Industri

berkenaan yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang mewakili Menterinya, YB Datuk Darell Leiking.

3. KEJAYAAN MBSP SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2019

Pada 12 November 2019, Bahagian Komunikasi Korporat Dan Inovasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar Bin Haji Arshad, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pulau Pinang.

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menjadi Johan Pertandingan *Innovation Blast* yang bertajuk “ Pothole Report And Repair Rangers Via Crowdsourcing (CPS)” dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM 400.00 beserta sijil. Menerusi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (AIKNPP), MBSP telah menjadi Naib Johan untuk Kategori Bukan ICT yang bertajuk “ Vehicle Optimization Matrix-Decision Modelling” dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM 3,000.00, trofi dan sijil.

**4. SYABAS MBSP KERANA BERJAYA MERANGKUL
ANUGERAH KONTINJEN TERBAIK SEMPENA SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

Dimaklumkan bahawa Kontinjen Maulidur Rasul Majlis Bandaraya Seberang Perai yang diterajui oleh Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam Majlis Bandaraya Seberang Perai (PERMAI) telah mengharumkan nama MBSP apabila berjaya mendapat tempat dalam Pemilihan Kontinjen Terbaik Pergerakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 1441H/2019M. MBSP juga telah menerima Anugerah Lima Kontinjen Terbaik Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang 1441H/2019M.

Kontinjen MBSP diketuai oleh Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff membawa slogan "Nazifah Rasulullah SAW Inspirasi Kebersihan Ummah" dianggotai oleh 60 orang warga MBSP. Syabas & Tahniah kepada Kontinjen Maulidur Rasul MBSP.

5. PENGANJURAN BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2019

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kerjasama di antara Think City Sdn.Bhd

akan menganjurkan *Butterworth Fringe Festival 2019 (BFF)* untuk kali yang kelima. *Butterworth Fringe Festival 2019* akan diadakan pada 7-8 Disember 2019 (Sabtu & Ahad) bermula 5.00 petang sehingga 11.00 malam di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth. Penganjuran BFF merupakan salah satu pengisian program selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu yang mana meletakkan matlamat penganjuran untuk memangkin pembangunan *local economic development*.

Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa bakal dipersembahkan selaras untuk menjadikan Bandar Butterworth sebagai hub acara budaya kreatif dan inovatif di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi Seberang Perai khasnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya. BFF juga menjanjikan kelainan bagi pengisian acara sepanjang festival berlangsung yang berteraskan asimilasi budaya serantau. Lebih 100 artis dan *talents* tempatan dan antarabangsa iaitu daripada 10 buah negara akan mengambil bahagian dalam BFF 2019.

6. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2020

Dimaklumkan bahawa bil cukai taksiran bagi **Penggal Pertama Tahun 2020** akan mula diterima secara berperingkat mulai 1

Disember 2019 dan pembayaran perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada **29 Februari 2020**. Bil cukai taksiran yang dikeluarkan masih menggunakan kadar cukai lama. Sebarang pelarasan kadar cukai baharu tahun 2020 akan dipaparkan di dalam bil cukai taksiran setengah tahun kedua 2020.

Semakan dan bayaran boleh dibuat di kaunter Menara Bandaraya MBSP di Bandar Perda, kaunter cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan kaunter cawangan Jawi atau secara **online** di laman web MPSP iaitu www.mbsp.gov.my, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my>, kiosk dan perbankan internet.

Pembayaran juga boleh dibuat di agen-agen kutipan yang telah dilantik berikut:-

1. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
2. Bank Rakyat
3. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)
4. Pos Malaysia (seluruh Negeri Pulau Pinang Sahaja)
5. Pejabat Daerah dan Tanah (Seluruh Negeri Pulau Pinang Sahaja)

Sila hubungi di talian 04-5497790 / 470 / 471 / 468 / 696 / 697 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

7. PROMOSI HEBAT CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MBSP TAHUN 2020

Dimaklumkan bahawa Promosi Hebat Cabutan Bertuah Bayaran Cukai Taksiran MBSP 2020 akan bermula pada **1 Disember 2019 dan tamat pada 29 Februari 2020.**

Kriteria yang melayakkan pembayar cukai taksiran adalah seperti berikut :

- (a) Pembayar cukai taksiran mesti membayar keseluruhan cukai setahun untuk tahun 2020 berserta tunggakan (jika ada).
- (b) Pembayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 1 Disember 2019 hingga 29 Februari 2020.
- (c) Pembayaran dibuat secara online, kiosk, laman web dan agen-agen yang sah dilantik serta di semua kaunter MBSP

Sebanyak **empat puluh lima (45)** hadiah yang menarik dan lumayan disediakan iaitu bagi Kategori A dan Kategori B. MBSP menyediakan sebanyak **empat puluh (40)** hadiah bagi **kategori A**

iaitu bayaran secara **ONLINE / AGEN KUTIPAN / KIOSK** manakala **lima (5)** hadiah bagi **kategori B** iaitu bayaran di **KAUNTER MBSP.**

Bagi **kategori A** hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan adalah seperti berikut: -

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,000
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 6	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 7	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-8 hingga Ke-40	Peralatan sukan / rekreatif, perkakasan teknologi maklumat / telekomunikasi serta peralatan rumah dan elektrik.

Manakala, bagi **kategori B** sebanyak lima (5) hadiah telah disediakan iaitu perkakasan rumah.

MBSP telah menyediakan 4,000 unit cenderamata kepada pembayar cukai yang terawal menjelaskan bil cukai taksiran setahun termasuk tunggakan jika ada dan bagi melayakkan diri menerima cenderamata serta terpilih untuk cabutan bertuah. Stok cenderamata adalah terhad.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat boleh didapati di laman web www.mbsp.gov.my atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di waran@mbsp.gov.my

8. SAMBUTAN HARI NATAL

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2018 (Rabu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

SEKIAN, TERIMA KASIH